



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 25/2026

**MAJIKAN DIMINTA MEMBERIKAN TEMPOH MUNASABAH
KEPADA PEKERJA UNTUK MENUNAIKAN
TANGGUNGJAWAB MENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA
UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-16**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum kekhuatiran orang ramai bahawa terdapat kemungkinan ada majikan yang tidak akan membenarkan pekerja mereka untuk keluar mengundi dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-16.
2. Sehubungan dengan itu, SPR meminta semua majikan agar memberikan tempoh yang munasabah kepada pekerja mereka yang berdaftar dan layak sebagai pemilih, untuk keluar mengundi bagi menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara pada **Hari Mengundi PRU Dewan Negeri Johor Ke-16, pada 11 Julai 2026 (Sabtu) ini.**
3. SPR mengingatkan semua majikan agar mematuhi **Seksyen 25 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5]** dengan memberikan

tempoh yang munasabah kepada pekerja yang merupakan pemilih berdaftar untuk keluar mengundi pada Hari Mengundi PRU Dewan Negeri Johor Ke-16.

4. Majikan juga tidak dibenarkan membuat sebarang potongan gaji atau saraan lain, mahupun mengenakan apa-apa penalti terhadap pekerja atas sebab mereka menunaikan tanggungjawab mengundi. Mana-mana majikan yang, secara langsung atau tidak langsung, enggan memberikan tempoh yang munasabah atau menghalang pekerja daripada mengundi adalah melakukan suatu kesalahan dan, **jika disabitkan, boleh didenda sebanyak RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh satu (1) tahun.**
5. SPR berharap semua majikan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan proses pengundian dapat berlangsung dengan lancar serta menggalakkan penyertaan pengundi yang tinggi dalam PRU Dewan Negeri Johor Ke-16.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

9 Julai 2026 / 23 Muharam 1448H